

Identiti **berubah** sekelip mata

Oleh Noor Hidayah
Tanzizi
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Dissociative Identity Disorder (DID) atau Kecerluan Identiti Disosiatif yang turut dikenali sebagai *Split Personality* adalah penyakit mental membabitkan pembahagian identiti dalam diri seseorang.

Pegawai Perubatan Psikiatri, Dr Fakrul Azren Azhar berkata, bagaimanapun DID bukan penyakit biasa berlaku dalam kalangan rakyat negara ini malah hanya satu hingga dua peratus daripada populasi global menghidap DID.

Menurutnya, terdapat pemisahan yang jelas antara beberapa identiti atau personaliti berbeza dan individu berkenaan akan mengalami episod yang dikenali sebagai *switching* yang mana identiti akan berubah mendadak, mungkin mengalami perubahan dalam tingkah laku, memori, emosi, dan pemikiran.

“Setiap identiti yang berbeza dalam DID biasanya mempunyai ciri dan respon unik terhadap persekitaran serta situasi. Antara gejala dialami oleh penghidap DID ialah individu itu mempunyai dua atau lebih identiti berbeza, masing-masing dengan ciri, tingkah laku, dan pemikiran unik.

“Perubahan antara identiti dikenali sebagai *switching* boleh berlaku secara tiba-tiba atau perlahan-lahan. Kehilangan ingatan yang tidak dapat dijelaskan oleh peristiwa harian atau maklumat yang mungkin diketahui identiti lain.

“Selain itu, gangguan dalam fungsi individu iaitu kesukaran melaksanakan kehidupan harian atau hubungan

sosial akibat daripada peralihan identiti dan kehilangan ingatan. Keadaan ini tidak dapat dijelaskan lebih baik oleh gangguan fizikal atau pengaruh bahan terlarang seperti

dadah atau alkohol.

“Ia juga tidak boleh berpunca disebabkan oleh perubahan lain seperti penyakit otak atau penyakit mental lain, yang mungkin

mem-berikan gejala sama,”

“Perubahan antara identiti dikenali sebagai switching boleh berlaku secara tiba-tiba atau perlahan-lahan”

Terapi kerohanian bantu kesihatan mental

Kuala Lumpur: Terapi kerohanian adalah cara terbaik membantu individu berhadapan isu kesihatan mental sentiasa berada dalam keadaan tenang dan mengembalikan semangat di samping rawatan, kaunseling dan persekitaran positif.

Bagaimanapun, Pensyarah Wacana Aqidah, Fiqh dan Ijaz al-Quran, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Mohd Sukki Othman berkata, kelemahan iman atau kurang amalan didikan agama bukan penyebab berlaku penyakit mental.

Katanya, menjadikan al-Quran sebagai terapi sebagai salah satu rawatan alternatif akan membantu mewujudkan suasana ketenangan

dalam diri dan kerana jiwa yang tenang akan mengurangkan masalah serta gangguan negatif.

“Selain rawatan secara moden dan kaunseling, dalam Islam kalau kita lihat bagaimana kekuatan iman dan kekuatan amal juga dapat membantu golongan yang mempunyai masalah mental ini supaya mereka mendapat ketenangan jiwa.

“Antara amalan yang boleh kita lakukan ialah membaca al-Quran bukan sekadar baca tetapi menghayati dan memahami. Sebab al-Quran ada mukjizat dapat mengubati penyakit sama ada penyakit luar mahupun dalaman.

“Selain itu banyakkann berpuasa, melakukan solat tahajud dan Qiamullail yang menjadi terapi

kerohanian yang sangat mujarab, sebagai hamba-Nya selain rawatan kita perlu mohon pada Allah SWT, membanyakkann berzikir serta berdamping dengan individu dan persekitaran positif,” katanya.

Sementara itu, Dekan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) Prof Madya Dr Mohd Zohdi Katanya, individu ada masalah kesihatan mental digalakkan membanyakkann amalan wajib dan sunat yang turut membantu memberi ketenangan jiwa.

Katanya, selain itu mengamalkan doa makthurat yang dapat membantu menghindarkan diri daripada gangguan syaitan serta mengamalkan doa Ruqyah Jibril diajar oleh Nabi SAW.

katanya.

Katanya, antara punca sering dikaitkan ialah sejarah trauma ketika kanak-kanak yang mana trauma secara emosi, fizikal, atau seksual ketika kanak-kanak adalah faktor utama dalam terjadinya DID selain pengalaman itu mungkin membabitkan keganasan atau situasi yang mengancam hidup individu itu.

“Kehidupan keluarga yang tidak stabil atau konflik berterusan boleh menjadi faktor yang menyumbang kepada pembentukan DID. Tetapi tidak semua individu mengalami trauma akan menghidap DID dan juga tidak semua orang dengan DID mempunyai sejarah trauma sama. Setiap individu adalah unik dan mempunyai faktor risiko berbeza dalam pembentukan gangguan identiti itu,” katanya.

Bagaimanapun Dr Fakrul Azren berkata, DID tidak dianggap penyakit berbahaya secara langsung kepada kehidupan fizikal individu mengalami gangguan itu, namun boleh menyebabkan cabaran dan kesukaran dalam kehidupan seharian serta boleh menjejaskan hubungan dengan orang lain.

Katanya, justeru, ia perlu dirawat dan dalam beberapa kes, jika tidak dirawat perubahan identiti yang tidak terkawal boleh menyebabkan situasi yang boleh meningkatkan risiko kecederaan kepada orang lain atau tindakan mencederakan diri sendiri.

“Rawatan untuk DID membabitkan pendekatan terapeutik yang komprehensif dan *individualized*. Tiada ubat khusus atau spesifik untuk penyakit itu (tetapi) ubat mungkin digunakan dalam situasi tertentu seperti pesakit DID yang mengalami kemurungan atau kegelisahan,” katanya.